

Laluan Khair ke Oxford

ALUNAN takbir Syawal 1432 Hijrah memberi pelbagai makna bagi anak muda yang sedang menuntut di Universiti Oxford ini. Khair Razlan Othman, 30, anak jati Felda Tunggal, Kota Tinggi Johor ini melalui pelbagai pengalaman pahit manis di sana. Apatah lagi suasana di London yang mendapat perhatian dunia beberapa minggu lalu. "Alhamdulillah, Syawal tahun ini disambut serentak dengan ulang tahun kelahiran isteri, ulang tahun perkahwinan yang kelima dan juga ulang tahun kemerdekaan tanah air tercinta." Khair mendirikan rumah tangga dengan 'anak merdeka' Tengku Zunida Tengku Yahya Shah, 30 pada 31 Ogos 2006. Ikuti cerita menarik beliau di bumi London kepada wartawan *Utusan Malaysia*, ZUNAIDAH ZAINON.



SYAWAL kali ini begitu bermakna buat Khair Razlan dengan kehadiran isteri dan anak-anak tercinta.

Rindu suasana moreh

"INI adalah kali kedua saya berada di perantauan. Kali pertama ketika melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dalam bidang kejuruteraan sistem radio frekuensi di University of Southampton. Namun, Ramadan kali ini menjanjikan keunikan dengan kehadiran keluarga di sisi. Apatah lagi, berpuasa dalam musim panas selama hampir 17 jam begitu menguji mental dan fizikal," ujarnya.

Sungguhpun dibebani dengan pelbagai tugas sebagai pelajar, Khair sentiasa memotivasikan diri dan ahli keluarga untuk melihat sisi pandang yang lebih indah, memanfaatkan sebaik mungkin rahmat dan peluang yang tersedia

untuk melipatgandakan mutu amal ibadah dengan sela waktu yang lebih panjang.

Biasanya, seawal pukul 3 pagi, isterinya akan bangun untuk menyediakan sahur dan selepas itu kedindingan pagi tidak menghalangnya ke masjid mendirikan solat Subuh berjemaah. Lebih kurang pukul 9 pagi, Khair akan berbasikal menuju ke kampus yang terletak lebih kurang dua batu dari kediaman memulakan sesi penyelidikan.

"Kebiasaannya pukul 7 petang, saya akan pulang bagi persediaan berbuka puasa. Ruang waktu terhadap tidak menghalang saya memperuntukkan waktu melayan

kerenah anak-anak sementara isteri menyediakan juadah berbuka. Juadah berbuka kami di sini agak ringkas, sekadar satu lauk utama dan sayur sudah mencukupi.

"Kami di sini tiada bazar Ramadan. Jadi, isteri akan menyediakan kuih untuk berbuka setiap hari. Menjadi tradisi keluarga saya untuk berbuka dengan kurma dan kuih terlebih dahulu. Selepas solat Maghrib

barulah kami makan makanan yang berat. Saya akan menyertai solat terawih di masjid sekitar kediaman yang bermula selewat 10.30 malam," katanya yang diberi peluang menentuai solat Terawih setiap malam bagi komuniti Malaysia.

Menurut Khair, peluang bertemu dan berkongsi cerita terkini bersama komuniti Melayu Muslim merupakan satu-satunya agenda mingguan yang dinanti-nantikan

mereka sekeluarga. Selain dapat menghidupkan amalan kemasyarakatan, sedikit sebanyak dapat mengubat kerinduan di kampung halaman dengan moreh yang adakalanya menyediakan makanan tradisional.

"Namun, sejujurnya saya cukup merindukan suasana beriktikaf di masjid sepanjang 10 hari terakhir Ramadan. Moga Allah menemukan kita dengan Ramadan yang akan datang," ujarnya.

Oxford - Antara ijazah dan risalah

KHAIR Razlan yang merupakan Ketua Biro Pembangunan Sumber Manusia, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) cawangan Eropah berpendapat, ilmu yang bermanfaat adalah ilmu yang mampu membawa umat memahami rahsia kehidupan. Sungguhpun menyedari ranjau berdui yang bakal ditempuhi untuk meletakkan diri setara dengan

kelompok penuntut elit di universiti terkemuka dunia itu, beliau sentiasa mencabar diri untuk memberi yang terbaik.

Menyedari, kejayaan beliau kelak bakal menyuntik semangat dan aspirasi bukan sahaja kepada generasi baru Felda bahkan kepada pelajar Muslim secara umumnya untuk melihat kejayaan dalam kon-

teks lebih luas.

"Saya berpendapat apapun yang kita kejar di dunia seharusnya berorientasikan ganjaran yang bakal menanti kita di akhirat kelak. Justeru, sebagai pelajar Muslim, kita bertanggungjawab bukan sahaja untuk pulang ke tanah air dengan segulung ijazah bahkan lebih penting membawa pakej lengkap sebagai pelajar Muslim yang memahami risalah Islam," ungkapnya jujur.

Pada masa sama, beliau kerap berkunjung ke universiti-universiti sekitar United Kingdom, Ireland dan negara Eropah untuk memberi ceramah tentang kesedaran menjadi pelajar Muslim cemerlang.

Sebagai aktivis ISMA, selain aktiviti halaqah Quran mingguan, Khair dan rakan-rakannya turut menganjurkan perkhemahan musim sejuk, siri jelajah Palestin semasa musim bunga dan perkhemahan musim panas bagi mengajak pelajar Muslim memanfaatkan cuti semester di samping mengenal dan mengangkat jati diri mereka sebagai pelajar Muslim.

"Aktiviti ini tidak terhenti,

bahkan ISMA yang mempunyai cawangan di seluruh Malaysia turut menghimpunkan pelajar-pelajar yang pulang ke Malaysia dengan pelbagai aktiviti khidmat masyarakat dan siri konvensyen. Antaranya, Khidmat Masyarakat 2010 di Felda Bukit Kuantan, Pahang yang turut memberikan peluang bakal-bakal doktor mempraktikkan ilmu yang mereka pelajari," ujar beliau bersemangat.

Menurut Khair, laluan ke Oxford tidak semudah yang disangkakan. Banyak onak dan duri terpaksa ditempuhinya sebelum cita-citanya menjadi kenyataan. Pensyarah Fakulti Kejuruteraan di Universiti Multimedia (MMU) ini bagaimanapun cukup bertuah kerana mendapat tajaan Yayasan Telekom Malaysia (YTM).

"Alhamdulillah, rezeki anak. Tawaran rasmi penajaan oleh Yayasan Telekom hanya saya peroleh sehari sebelum tawaran Universiti Oxford ditamatkan. Saya masih ingat lagi, bagaimana saya terpaksa menggunakan segala ruang yang ada untuk memohon biasiswa kerana tajaan yang ada

hanya cukup untuk saya seorang. Saya bersyukur akhirnya doa saya terjawab tanggal 1 Syawal lalu apabila turut dianugerahkan tajaan Oxford Centre of Islamic Studies.

"Perasaan tidak percaya pun ada. Melihat kembali keperitan mendapatkan tajaan, saya cukup percaya Allah telah memilih saya ke sini dan pastinya ada tugas berat yang harus saya pikul di akhir perjalanan kelak," ujarnya tenang mengungkap kesyukuran.

Pelajar cemerlang Yayasan Telekom Malaysia tahun 2004 dan 2006 ini kini mengambil pengkhususan Doktor Falsafah dalam Bidang Inovasi Kejuruteraan Biomedikal di Universiti Oxford.

Dengan dikelilingi pelajar yang bijak pandai dalam suasana pembelajaran yang kompetitif di universiti terkemuka dunia ini, pastinya memberi tekanan, cabaran dan rintangan yang amat hebat.

Namun, dengan motivasi 'kejayaan untuk umat' dan sokongan isteri dan keluarga tercinta, serta doa dan niat yang tulus, beliau berharap akan memetik hasil yang cemerlang di akhir pengajiannya.



KHAIR Razlan Othman bersama rakan-rakan yang menyertai program Jalinan Ukhwah Musim Panas ISMA Eropah.

Rusuhan di London : Erti sebuah kemerdekaan

KETIKA kota London digemparkan dengan rangkaian rusuhan yang memusnahkan deretan bangunan dan harta hak milik awam, Khair Razlan melahirkan rasa kesyukuran dengan nikmat keamanan dan kemajuan yang dinikmati di tanah air tercinta.

“54 tahun satu tempoh yang panjang. Mungkin sahaja kita tidak bisa terbayang ketangkasan Tok Gajah dan Datok Bahaman menentang penjajah. Acapkali juga kita tidak begitu kemas menilai perit jerih dan lelehan keringat Tok Kenali dan Abdul Rahman Limbong dalam sketsa perjuangan mempertahankan anak watan.

“Bagi generasi baru seperti saya, menghirup cangkir kemerdekaan pada sudut yang teliti mewajarkan kita untuk terus mengungkap kalimah kesyukuran atas nikmat kemajuan dan kedamaian yang tersaji sebaik melihat dunia,” katanya.

Sekalipun sudah mengembara jauh, Khair tidak akan melupakan pengalaman manis mereka sekeluarga berkampung di ladang sawit bersama buaian ketika adik bongsu dilahirkan. Ini kerana sejak kecil, mereka dilatih untuk membantu ayah mengutip buah sawit di ladang.

“Kadang-kadang kami beradu kekuatan dengan mengalihkan buah sawit yang beratnya entah berapa tan ke tapak pengumpulan. Adakalanya ketika malas, kami curi-curi tinggalkan buah-buah sawit yang sukar dikumpulkan. Apa lagi, kami dimarahi ayah apabila dia tahu kami curi tulang, Kata ayah, itu semua duit, orang dulu kalau satu sen pun kutip.

“Saya sempat hidup ketika tanah rancangan Felda belum ada bekalan air bersih. Setiap petang, kami akan turun untuk mandi-manda di paya di kaki bukit. Kemudian saya dan abang, membantu mengangkut air dengan timba untuk bekalan hari esok. Kesukaran seperti ini mengajar saya menghargai erti sebuah kehidupan,” kata anak kedua daripada enam beradik itu.

Bagi Khair, jasa ibu dan ayah membentuk personaliti dan sikap memberikan yang terbaik dalam kehidupan begitu bererti buatnya.

“Seperti tiada bicara yang mampu mengungkap betapa istimewanya mereka



RUSUHAN yang berlaku di London membuktikan keruntuhan moral dalam kalangan generasi muda di bandar metropolitan itu.

dalam hidup saya. Hanya ucapan terima kasih yang mampu saya lafazkan. Moga Allah memberikan ganjaran setimpal atas pengorbanan kedua ibu dan ayah, Othman Ahmad, 57 dan Rahmah Masbor, 54,” ujar Khair.

Bagaimanapun, katanya, manifestasi sebuah kemerdekaan tidak terhad dalam ruang lingkup pencapaian materialistik semata-mata kerana wujud satu definisi kemerdekaan yang lebih menyeluruh.

“Rasulullah SAW telah mengajar kita ungkapan kemerdekaan yang lebih tepat dalam syahadah yang satu. Membebaskan diri daripada penjajahan minda, jasmani dan rohani dengan menazirkan amalan dan akhlak Islami dalam muamalat bermasyarakat dan kehidupan harian adalah puncak kemerdekaan yang sejati,” katanya penuh makna.

Ini kerana katanya, apa yang masyarakat dunia tidak lihat pada insiden rusuhan di London adalah hasil akhir keruntuhan akhlak remaja. Bahkan, seorang pensyarahnya berbangsa British turut bersetuju yang keruntuhan moral remaja Britain merupakan suatu



yang menyedihkan dan perlu dibendung.

“Generasi muda merupakan lakaran gambaran bagaimana kemerdekaan terus bertahan. Justeru, saya percaya, melahirkan pemuda yang faham tanggungjawabnya sebagai seorang Muslim merupakan kata kunci yang perlu diberi perhatian serius,” tegas beliau.

Melihat beberapa insiden yang sedikit sebanyak menggugat keharmonian negara dewasa ini, Khair turut menyeru agar masyarakat Melayu Muslim khususnya supaya kembali kepada jati diri mereka yang sebenarnya dan bersatu di bawah payung akidah tanpa mengira sempadan politik yang ada.

Profil

- Nama:** Khair Razlan Othman
Asal: Felda Tunggal, Kota Tinggi, Johor
Tarikh lahir: 22 Januari 1981
Kerjaya Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi, MMU
Pendidikan:
 ● Doktor Falsafah (PhD) dalam Bidang Inovasi Kejuruteraan Biomedikal di Universiti Oxford (2010 - sekarang)
 ● Ijazah Sarjana Sains Sistem Kejuruteraan Frekuensi Radio, University of Southampton (2004-2005)
 ● Bachelor Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Elektronik (Komputer), MMU Melaka (1998-2003)

- Isteri:** Tengku Zunida Tengku Yahya Syah, 30
Kerjaya: Pegawai Latihan Vokasional di ADTEC Melaka, Melaka.
Anak-anak : Safiyah Khairah, 4
 Uswah Khairah, 2

Tengku Zunida kagum dengan masyarakat Felda

BAGI Tengku Zunida, antara insan istimewa yang dilahirkan tanggal hari kemerdekaan, perasaan menyambut hari ulang tahun kelahiran serentak ulang tahun kemerdekaan negara saban tahun merupakan suatu yang unik baginya.

“Saya rasa bertuah kerana dilahirkan di sebuah negara yang kaya dengan sejarahnya tersendiri. Menikmati keamanan hidup dalam masyarakat berbilang bangsa merupakan suatu yang tinggi nilainya.

“Generasi baru harus meneliti akar budaya dan pemuafakatan yang sekian lama terjalin agar nikmat kemerdekaan yang kita kecapai ini dapat dinikmati oleh generasi seterusnya,” kata Pegawai Latihan Vokasional di ADTEC Melaka, ini.

Kemajuan hari ini, ujar Tengku Zunida adalah hasil keringat dan kerja berterusan generasi awal yang pastinya tidak datang bergolek begitu sahaja.

Seharusnya rakyat Malaysia menghargai dan bersyukur dengan nikmat hidup di negara ini dan terus menyemai benih saling

memahami untuk membawa negara lebih maju dan disegani pada masa hadapan.

“Setiap kali menyambut hari merdeka, saya turut menggunakan peluang memuhasabah pencapaian saya sekeluarga.

“Tidak kurang penting, adalah mendidik anak-anak supaya memahami tentang erti kemerdekaan daripada konteks yang lebih luas. Mereka perlu lebih faham untuk menjadi lebih baik daripada apa yang kita ada hari ini,” jelas anak merdeka hari ini.

Sebagai isteri kepada anak Felda, Tengku Zunida tidak dapat menyembunyikan rasa kagum di atas pencapaian yang diraih masyarakat peneroka hari ini.

“Ketika pertama kali melangkah masuk ke kampung suami, saya terpegun. Jujur saya katakan, mungkin sebelumnya saya agak tipikal menilai kemajuan Felda. Bila cakap orang Felda, terbayang rumah kayu dan kehidupan serba mencabar.

“Namun, melihat keindahan landskap

dan seni bina deretan rumah yang begitu indah membuatkan saya terpaku dengan keazaman yang mereka tunjukkan.

“Telahan saya tidak salah apabila kampung Felda mertua saya dinobatkan sebagai juara Anugerah Keceriaan Kampung Felda (AKKF) baru-baru ini. Tahniah buat mak dan abah serta warga Felda Tunggal keseluruhannya,” ujarnya bangga.

Malah, beliau berpendapat warga Felda sangat unik. Sepanjang pemerhatiannya, orang Felda kaya dengan budaya muafakat, semangat bantu-membantu dan amalan gotong-royong yang masih kukuh dalam kehidupan mereka.

“Budaya untuk maju bersama mengubah status kehidupan ini bagi saya merupakan asas kekuatan bermasyarakat yang harus dipelajari dan diteladani oleh generasi baru Felda.

“Saya kira slogan kemerdekaan tahun ini ‘Transformasi Berjaya, Rakyat Sejahtera’ merumuskan kejayaan yang warga Felda kecapai hari ini,” kata Tengku Zunida yang turut menyifatkan Felda adalah satu kejayaan membanggakan dalam tempoh 54 tahun negara mencapai kemerdekaan.



TENGU ZUNIDA TENGKU YAHYA SYAH



Ketika pertama kali melangkah masuk ke kampung suami, saya terpegun. Jujur saya katakan, mungkin sebelumnya saya agak tipikal menilai kemajuan Felda. Bila cakap orang Felda, terbayang rumah kayu dan kehidupan yang serba mencabar. Namun, melihat keindahan landskap dan seni bina deretan rumah yang begitu indah membuatkan saya terpaku dengan keazaman yang mereka tunjukkan